

24 JUN 2003

Shahrizat-Mastika

PELANTIKAN MASTIKA TEPAT PADA MASANYA, KATA SHAHRIZAT

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Pelantikan Anggota Parlimen Arau Datuk Mastika Junaidah Husin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) tepat pada masanya bagi memperkukuhkan prestasi kementerian itu.

Menteri berkenaan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dalam kenyataan akhbar hari ini berkata sejak penubuhan KPWK 29 bulan lalu, kementerian itu tidak mempunyai Setiausaha Parlimen.

Beliau turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan pelantikan Mastika.

"Saya rasa amat gembira dengan pelantikan Datuk Mastika sebagai Setiausaha Parlimen KPWK. Beliau adalah seorang pemimpin yang mempunyai pengalaman yang luas. Beliau juga adalah seorang ahli politik yang berjiwa rakyat," katanya.

Beliau juga yakin dengan pelantikan Mastika itu akan menjadikan KPWK lebih mantap dalam memperjuangkan isu-isu pembangunan wanita dan keluarga.

Shahrizat juga turut mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen yang dilantik Timbalan Menteri Kewangan II menggantikan Datuk Chan Kong Choy.

"Saya percaya Datuk Ng Yen Yen akan melaksanakan tugasnya dengan baik dan akan memberi perhatian kepada keperluan wanita, terutamanya keperluan para usahawan wanita di negara ini," katanya.

Chan dilantik sebagai Menteri Pengangkutan bagi menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang telah meletakkan jawatan.

Rombakan kabinet itu diumumkan Dr Mahathir pada sidang media di Putrajaya hari ini.

-- BERNAMA

SSA AHH ROS